

09/12/1997

Tangkis campur tangan asing dalam ekonomi

Mior Kamarul Shahid

TIGA minggu lagi kita akan meninggalkan tahun 1997 dengan penuh kenangan. Walaupun begitu banyak peristiwa pahit dan manis, pengalaman kita menghadapi kegawatan ekonomi begitu mengharukan. Ia berlaku bukan kerana kita tidak arif mengendalikan ekonomi negara dan bukan juga kerana masalah fundamental tetapi kita perlu akui kuasa luar yang menekan kita begitu kuat pengaruhnya, bagaikan gelombang dan taufan. Satu demi satu negara di Asia dihimpit pelbagai tekanan. Nilai mata wang negara berkenaan terjejas teruk. Kita cuba melawan tetapi tempiasnya tidak dapat kita halang. Kita terpaksa akur dengan tekanan demi tekanan hingga ekonomi negara turut terjejas.

Kebelakangan ini kita melihat satu demi satu negara mula tunduk kepada keadaan - mengalah. Mereka mula mengharapkan bantuan. Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) menghulurkan tangan untuk menyelamatkan mereka. Malaysia tetap bertahan kerana tidak mahu terikat dengan peraturan IMF. Sebenarnya, kita tidak mahu terperangkap. Pada kita, masih ada jalan keluar cara kita sendiri.

Mengapa kita begitu bimbang untuk mendapatkan pinjaman daripada IMF? Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah memberi jawapannya. Semua kita sokong pendiriannya kerana kita tidak mahu lagi dijajah. Penjajahan cara baru adalah lebih buruk padahnya. Mulut kita dikunci seperti dipukau.

Kita percaya kerajaan mempunyai alasan kukuh tidak menerima bantuan itu walaupun ini adalah jalan penyelesaian. Pada kita, meminjam wang mungkin boleh memulihkan sedikit keperitan. Kita diberi keyakinan dengan bantuan IMF, ekonomi negara akan pulih, kononnya pelabur akan giat semula menyertai pasaran. Selagi kita masih bertahan, selagi itulah tekanan akan dikenakan. Ini semua adalah muslihat.

Kita juga bimbang kesan jangka panjang yang mungkin timbul. Kesannya kita bukan saja 'menjual' institusi penting termasuk bank negara ini kepada mereka, malah kita sebenarnya menjual maruah. Oleh itu, seboleh mungkin kita cuba mengelak meminjam. Untuk mendapatkan pinjaman IMF adalah mudah. Tetapi, syarat yang dikenakan amat berat untuk dipikul. Meminjam daripada IMF bermakna kita terpaksa akur kepada peraturan yang mereka kenakan. Jika sekadar mengenakan kadar faedah tinggi, kita masih boleh memberi pertimbangan. Tetapi, apabila kita terpaksa mengikut arahan mereka, bermakna kita menjual maruah bangsa kita.

Melihat kepada kemakmuran ekonomi negara, IMF tidak sedikit pun meragui kemampuan negara kita membayar balik pinjaman. Seberapa banyak wang yang kita perlukan, mereka rela menyediakannya. Memang itulah sebenarnya yang mereka mahu. Bagi IMF, inilah cara paling berkesan untuk memulas kita. Arus yang cuba dibawa ialah menjadikan Malaysia supaya mengamalkan dasar terbuka sejajar dengan matlamat mereka untuk mewujudkan konsep masyarakat terbuka.

Masyarakat terbuka dalam konteks Malaysia sudah pun kita lakukan sejak Parti Perikatan memerintah negara ini dan dilanjutkan di bawah pemerintahan Barisan Nasional (BN). Pada kita, ia tidak menimbulkan sebarang masalah. Segala masalah dibincang dan diputuskan bersama. Rakyat hidup aman dan kita boleh saling bergantung antara satu dengan lain. Bagi negara kuasa besar terutama Amerika Syarikat yang menentukan arah IMF, konsep masyarakat terbuka mereka, jauh berbeza. Mereka sebenarnya mahu menimbulkan keadaan yang tidak seimbang di kalangan masyarakat. Mereka

tahu, di Malaysia konsep masyarakat terbuka mudah mencetuskan rasa tidak puas hati. Dalam bidang ekonomi, umpamanya, konsep ini akan menimbulkan perasaan kekecewaan di kalangan masyarakat. Dasar yang menjurus kepada usaha membantu rakyat miskin atau kaum tertentu, tidak boleh dilaksanakan tanpa kelulusan IMF sekiranya kita mengikat diri kita dengan peraturan yang mereka tetapkan. Mereka mungkin tidak membenarkan kita membina lagi rumah kos rendah atau tidak mahu layan istimewa kepada nelayan atau petani. Mereka juga mungkin melarang pembinaan sekolah, malah mengubah sistem pendidikan ke arah menjadikan masyarakat berfikiran terbuka. Mereka boleh mencipta pelbagai alasan untuk menidakkan kepentingan kita. Inilah kuasa wang yang amat kita takuti. Projek yang kita anggap penting untuk negara mungkin dianggap tidak mendatangkan faedah. Setiap keputusan akan dinilai dengan rasa prejudis. Apakah ini yang kita mahukan?

Bagi mereka, konsep masyarakat terbuka membebaskan pergerakan setiap manusia. Ini dikaitkan dengan falsafah hak asasi manusia. Kita dibenarkan berpolitik tetapi mereka menentukan hala tuju negara. Dari segi keluaran negara, mereka akan menentukan kepada siapa barangan kita harus dijual. Mereka boleh melarang kita daripada menjual ke negara yang mereka tidak berkenan.

Sekarang kita harus mengajak rakyat supaya sama-sama memperbaiki keadaan ini. Jika kita masih mahu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan hasrat kerajaan, bermakna kita merelakan negara kita dijajah semula. Atas dasar kesedaran inilah kita seharusnya menentang sebarang usaha dan campurtangan asing terhadap hal-ehwal politik dan ekonomi di negara ini.

(END)